

BAB 4 : MENGENALI TAMADUN

A Padankan perkataan berikut dengan bahasa yang betul.

PERKATAAN	
Mudun	•
Civitas	•
Madain	•
Civilisation	•
Peradaban	•

NAMA :

BAHASA	
Melayu	•
Arab	•
Yunani	•
Arab	•
Inggeris	•

B Lengkapkan ayat berikut.

kehidupan seni bina kebendaan hasil cipta pencapaian percukaian

1. Tamadun dalam Bahasa Melayu bermaksud peradaban yang merujuk kepada _____ kemajuan masyarakat dari segi kebendaan dan perkembangan pemikiran meliputi bidang sosial, politik dan budaya yang tinggi.
2. Kemajuan _____ bermaksud pencapaian dalam seni bina, sistem ekonomi dan hasil cipta.
3. Penciptaan _____ seperti pembinaan bangunan dan empangan.
4. Pencapaian dalam sistem ekonomi seperti _____ dan kewangan.
5. Pencapaian _____ seperti membuat kertas, lukisan dan ukiran.
6. Walaupun terdapat perbezaan maksud tamadun berdasarkan bahasa, namun terdapat persamaan yang jelas, iaitu kemajuan yang dicapai oleh masyarakat untuk membina _____ yang lebih baik dan kompleks.

C Nyatakan ciri-ciri tamadun yang betul.

HURAIAN	CIRI-CIRI TAMADUN	
— Menjadi pusat kegiatan politik, ekonomi dan kebudayaan.		SISTEM PEMERINTAHAN
— Membolehkan manusia menyimpan rekod dan perkara penting tentang diri dan masyarakat.		PENGKHUSUSAN PEKERJAAN
— Berasaskan jenis pekerjaan, kekayaan dan pengaruh.		TEKNOLOGI
— Menguruskan pemerintahan negara-kota yang berkembang kesan pembentukan bandar.		ORGANISASI SOSIAL
— Mempercayai banyak tuhan dan wujud institusi agama yang mengurus upacara keagamaan.		KESENIAN DAN KESUSASTERAAN
— Menghasilkan penciptaan barangan, monumen hebat dan hasil pertukangan.		PEMBENTUKAN BANDAR
— Pembinaan saluran, kincir angin, teres dan penciptaan peralatan menggalakkan kegiatan pertanian dan lebih hasil diperdagangkan.		TULISAN DAN PENYIMPANAN REKOD
— Perkembangan pesat bandar meningkatkan jumlah penduduk dan mewujudkan banyak peluang pekerjaan baharu.		AGAMA DAN KEPERCAYAAN
— Melahirkan hasil sastera dan seni bina yang mengagumkan dengan gaya dan teknik yang menggambarkan budaya masing-masing.		PERTANIAN DAN PERDAGANGAN